

Kilang minyak kelapa sawit didenda RM90,000 kerana lakukan pencemaran

🕒 21 Mei 2025, 4:29pm

17
Shares

f Share

X Tweet

📧 Share

✉ Email



Foto hiasan

MELAKA: Sebuah kilang minyak kelapa sawit mentah didenda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini atas tiga kesalahan gagal mematuhi syarat lesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka hingga berlaku pencemaran.

Pengarah JAS Melaka, Rosli Mustafa berkata, berdasarkan rayuan dikemukakan oleh syarikat itu selaku orang kena saman (OKS), mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM30,000 bagi setiap pertuduhan.

Menurutnya, wakil OKS yang hadir menjelaskan denda terbabit.

"Pertuduhan ke atas premis OKS adalah kegagalan untuk mematuhi syarat lesen No. 9, 10 dan 11 yang terkandung di dalam Lesen Bernombor 006087 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

"Siasatan JAS mendapati berlakunya kebocoran daripada saluran keluar efluen di premis OKS yang kemudiannya memasuki alur air daratan dan menimbulkan aduan pencemaran air.

"Hakim menjatuhkan hukuman denda RM90,000 ke atas premis bagi tiga pertuduhan mengikut Seksyen 16(1), AKAS 1974 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 16(2) akta sama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Rosli berkata, pegawai pendakwa JAS Negeri Melaka di dalam hujahan pemberat hukuman berhujah hukuman berat perlu dikenakan kerana OKS melakukan kesalahan berulang, selain untuk memberi amaran keras kepada pemain industri dan kilang supaya tidak melakukan kesalahan sama.